



Bank Pilihan Anda

**SOALAN-SOALAN LAZIM BAGI KEMPEN PENAWARAN
KADAR KEUNTUNGAN PROMOSI SERENDAH 2.69%
PEMBIAYAAN PERIBADI-i AWAM**

1. **Bilakah tarikh bermulanya kempen penawaran kadar keuntungan promosi Pembiayaan Peribadi-i ini?**

Tarikh bermula kempen penawaran kadar keuntungan promosi Pembiayaan Peribadi-i Awam ini adalah pada **04 September 2023 (Isnin) sehingga 31 Disember 2023.**

2. **Apakah produk Pembiayaan Peribadi-i yang terlibat dengan penawaran kempen kadar keuntungan promosi ini?**

Hanya produk **Pembiayaan Peribadi-i Awam (Normal dan Penyatuan Hutang) kadar terapung** terlibat dengan kempen penawaran kadar keuntungan promosi ini

3. **Apakah produk Pembiayaan Peribadi-i yang menawarkan kadar keuntungan 2.69%?**

Produk Pembiayaan Peribadi-i Awam yang menawarkan kadar keuntungan 2.69% adalah produk Pembiayaan Peribadi-i Awam (Normal dan Penyatuan Hutang) dengan tempoh **1 (satu) tahun.**

4. **Adakah kadar keuntungan promosi ini sama bagi produk Pembiayaan Peribadi-i Awam normal dan penyatuan hutang?**

YA. Kadar keuntungan promosi yang ditawarkan adalah **sama** bagi Pembiayaan Peribadi-i Awam Normal dan Penyatuan Hutang.

5. **Apakah syarat-syarat kelayakan pelanggan untuk menerima kempen kadar keuntungan promosi Pembiayaan Peribadi-i Awam ini?**

Syarat kelayakan pelanggan bagi kempen kadar keuntungan promosi Pembiayaan Peribadi-i Awam ini adalah seperti berikut:

- a. Cara bayaran ansuran BPA atau PGM sahaja; **DAN**
- b. Tiada tunggakan rekod CCRIS bagi tempoh 6 bulan terkini; **DAN**

salah satu daripada kriteria di bawah:

- c. Pembiayaan semula (overlap) Pembiayaan Peribadi-i sedia ada dengan syarat pembiayaan telah berlalu ≥ 1 tahun (≥ 12 bulan); **DAN/ATAU.**
- d. Pembiayaan baru/kedua/ketiga dan seterusnya; **DAN/ATAU**
- e. Jelas Pembiayaan/Pinjaman Peribadi-i daripada Institusi Kewangan/Koperasi/Syarikat Kredit (contoh: Aeon Credit)

6. Apakah yang dimaksudkan dengan tiada tunggakan rekod CCRIS bagi tempoh 6 bulan terkini?

Tiada tunggakan rekod CCRIS bermaksud tiada sebarang tunggakan (MIA = 0) bagi semua kemudahan (facility) yang dipaparkan di dalam rekod CCRIS bagi tempoh 6 bulan terkini.

Bagi kemudahan (facility) Bank Rakyat cawangan perlu merujuk di Sistem SIIBS bagi semakan tunggakan yang terkini (jika tidak dipaparkan di laporan CCRIS bagi bulan terkini)

7. Apakah kod produk yang terlibat di dalam kempen kadar keuntungan promosi Pembiayaan Peribadi-i Awam ini?

Pembiayaan Peribadi-i	Kod Produk
Normal	P103
	P109
Penyatuan Hutang	P108
	P110

8. Apakah kempen kod yang digunakan di Sistem FOS bagi membolehkan kadar keuntungan promosi ini dipaparkan di sistem?

Kempen kod yang digunakan bagi kempen kadar keuntungan promosi ini adalah PFPUBLIC – PERSONAL FINANCING PUBLIC

9. Apakah contoh senario bagi syarat kelayakan pelanggan sepertimana Soalan No.5?

Contoh	Syarat Kelayakan
Senario 1	a. Pembiayaan Peribadi-i Awam b. Kod produk P103 c. Cara bayaran ansuran BPA; DAN d. Tiada tunggakan rekod CCRIS bagi tempoh 6 bulan terkini; DAN e. Pembiayaan semula (overlap) Pembiayaan Peribadi-i sedia ada dengan syarat pembiayaan telah berlalu ≥ 1 tahun (≥ 12 bulan).
Senario 2	a. Pembiayaan Peribadi-i Awam GLC b. Kod produk P109 c. Cara bayaran ansuran PGM; DAN d. Tiada tunggakan rekod CCRIS bagi tempoh 6 bulan terkini; DAN e. Pembiayaan baru/kedua/ketiga dan seterusnya
Senario 3	a. Pembiayaan Peribadi-i Awam b. Kod produk P108 c. Cara bayaran ansuran BPA; DAN d. Tiada tunggakan rekod CCRIS bagi tempoh 6 bulan terkini; DAN e. Jelas Pembiayaan/Pinjaman Peribadi-i daripada Institusi Kewangan/Koperasi/Syarikat Kredit

Contoh	Syarat Kelayakan
Senario 4	a. Pembiayaan Peribadi-i Awam GLC b. Kod produk P110 c. Cara bayaran ansuran PGM; DAN d. Tiada tunggakan rekod CCRIS bagi tempoh 6 bulan terkini; DAN e. Pembiayaan baru/kedua/ketiga dan seterusnya; DAN f. Jelas Pembiayaan/Pinjaman Peribadi-i daripada Institusi Kewangan/Koperasi/Syarikat Kredit

10. Adakah kempen kadar keuntungan promosi Pembiayaan Peribadi-i Awam ini boleh ditawarkan kepada pelanggan yang membuat pembiayaan semula (overlap)?

BOLEH. Namun tertakluk kepada syarat kelayakan sepertimana Soalan No.5 dipatuhi seperti berikut:

- Cara bayaran ansuran BPA atau PGM; **DAN**
- Tiada tunggakan rekod CCRIS bagi tempoh 6 bulan terkini; **DAN**
- Pembiayaan yang ingin dibuat pembiayaan semula (overlap) perlu berlalu minimum ≥ 1 tahun (≥ 12 bulan).

11. Adakah Cawangan dibenarkan untuk menghantar kelulusan *one step higher* sekiranya ingin menawarkan kadar keuntungan promosi ini kepada pelanggan yang tidak memenuhi syarat kelayakan sepertimana Soalan No.5?

TIDAK. Cawangan tidak dibenarkan untuk menghantar kelulusan *one step higher* bagi pelanggan yang tidak memenuhi syarat kelayakan sepertimana Soalan No.5.

12. Apakah kadar keuntungan promosi yang ditawarkan bagi produk Pembiayaan Peribadi-i Awam?

Produk Pembiayaan Peribadi-i Awam	Kod Produk	Cara Bayaran Ansuran	Perlindungan Takaful	Tempoh (Tahun)	Kadar Keuntungan Promosi
Normal dan Penyatuan Hutang	P103 P109 P108 P110	BPA PGM	Dengan Takaful	≤ 1	SBR + 1.93 = 4.93 @ 2.69
				$>1 - 5$	SBR + 2.23 = 5.23 @ 2.77
				$>5 - 10$	SBR + 2.25 = 5.25 @ 2.88
			Tanpa Takaful	≤ 1	SBR + 3.43 = 6.43 @ 3.52
				$>1 - 5$	SBR + 3.73 = 6.73 @ 3.61
				$>5 - 10$	SBR + 3.75 = 6.75 @ 3.78

13. Berapakah kempen Pembiayaan Peribadi-i yang sedang ditawarkan sekarang?

Pada masa ini terdapat 4 (empat) kempen yang sedang ditawarkan kepada pelanggan yang melanggan Pembiayaan Peribadi-i yang turut ditawarkan kepada pelanggan yang memohon pembiayaan semula (overlap):

Bil	Nama Kempen	Penawaran Pembiayaan	Kempen kod	Tarikh Tamat Kempen
a	Kempen Kadar Keuntungan Promosi Kepada Kakitangan Institusi Kewangan Terpilih	Pembiayaan baru dan semula (overlap)	PFEOSFI	31/12/23
b	Kempen Pembiayaan Peribadi-i Rakan PINTAR	Pembiayaan baru dan semula (overlap)	PFPINTAR	31/12/23
c	Kempen Kadar Keuntungan Promosi Kepada Kakitangan Syarikat Utiliti Elektrik	Pembiayaan baru dan semula (overlap)	PFCAMP01	31/12/23
d	Kempen Kadar Keuntungan Promosi Kepada Kakitangan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	Pembiayaan baru dan semula (overlap)	PFCAMP01	31/12/23

14. Berdasarkan Soalan No.12 di atas, adakah pelanggan masih boleh untuk menikmati kempen sedia ada yang masih ditawarkan sekarang?

YA. Pelanggan yang membuat akaun pembiayaan baru atau pembiayaan semula (overlap) masih boleh menikmati kempen sedia ada seperti di Soalan No.12.

15. Adakah kempen kadar keuntungan serendah 2.69% ini melibatkan semua produk Pembiayaan Peribadi-i?

TIDAK. Kempen kadar keuntungan serendah 2.69% ini hanya melibatkan produk Pembiayaan Peribadi-i Awam kadar terapung sahaja.

16. Apakah terdapat jumlah pembiayaan minimum bagi kempen kadar keuntungan serendah 2.69% ini?

TIDAK. Bagi penawaran kadar keuntungan serendah 2.69% tiada jumlah pembiayaan minimum ditetapkan.